**NO SOALAN : 120**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT**
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,**
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | **:** | **BUKAN LISAN** |
| **DARIPADA** | **:** | **TUAN CHANG LIH KANG**<br>**[ TANJONG MALIM ]** |

**SOALAN NO. 120**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa rumah yang telah dibina dan dijual oleh Perbadanan PR1MA Malaysia sejak Jun 2018.

**NO SOALAN : 120**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah unit perumahan PR1MA yang telah siap dibina dalam tempoh di antara Jun 2018 sehingga Julai 2019 ialah sebanyak 912 unit. Jumlah kediaman PR1MA yang dijual di dalam tempoh yang sama ialah sebanyak 3,255 unit. Manakala, daripada segi jualan sepanjang Kempen Home Ownership Campaign (HOC) yang bermula daripada 1 Mac sehingga kini telah merekodkan jualan sebanyak 993 unit.

2. Berikut merupakan rekod tempahan rumah PR1MA dari Jun 2018 sehingga Julai 2019 dan semasa Kempen HOC:

| **Status** | **Jun 2018 – Julai 2019** | **Kempen HOC (1 Mac – 11 Julai 2019)** |
|---|---|---|
| | **Unit** | **Unit** |
| **Ditempah** | 15,749 | 13,966 |
| **Dijual** | 3,255 | 993 |

3. PR1MA komited memenuhi mandat Kerajaan dalam menyediakan lebih banyak rumah mampu milik yang berkualiti khususnya golongan berpendapatan sederhana (M40).

Sekian, terima kasih.